

SST BANTU CAPAI HASRAT STATUS NEGARA PERINDUSTRIAN



Sekolah Sains dan Teknologi atau singkatannya SST, telah mula menawarkan program pengajian pada sesi 1995/1996, iaitu sesi pengajian ulung UMS sejak penubuhan Universiti pada 24 November 1994 sebagai IPTA negara yang ke 9 pada masa itu. Penubuhan Sekolah ini adalah berdasarkan kepada keperluan negara bagi melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang sains dan teknologi, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara perindustrian.

Matlamat penubuhan SST adalah untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sains dan teknologi melalui pengajaran dan penyelidikan, sejajar dengan kehendak negara yang akan menjadi sebuah negara maju. Sekolah juga mempunyai matlamat untuk melahirkan graduan yang berkecekapan dan berkemahiran profesional serta mempunyai kepakaran dan pengetahuan asas dalam program pengajian yang dipilih, disamping mempunyai pengetahuan dalam bidang tambahan melalui kursus-kursus elektif yang dipilih. Program pengajian peringkat prasiswazah ini juga mempunyai asas teori dan aplikasi yang kukuh untuk membolehkan graduan melanjutkan pengajian ke peringkat pascasiswazah. SST juga menawarkan kursus major dan minor kepada Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS, yang merupakan kursus pelengkap kepada program pengajian yang ditawarkan di sekolah tersebut.

SST kini menawarkan sepuluh (10) program akademik untuk peringkat pengajian prasiswazah dan enam (6) bidang diperingkat Sarjana dan Doktor Falsafah secara penyelidikan. Di peringkat prasiswazah, SST menawarkan program pengajian dalam dua (2) bidang utama iaitu bidang Sains Biologi dan bidang Sains Fizikal, seperti berikut:

- A. Sains Biologi
 - Bioteknologi
 - Biologi Pemuliharaan
 - Akuakultur
 - Sains Marin
- B. Sains Fizikal
 - Geologi
 - Sains Sekitaran
 - Matematik dengan Ekonomi
 - Matematik dengan computer grafik
 - Fizik dengan Elektronik
 - Kimia Industri

Diperingkat pascasiswazah, enam (6) bidang pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah Secara Penyelidikan, yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Program Pascasiswazah
- Kimia Industri
 - Sains Sekitaran
 - Geologi

- Bioteknologi
- Fizik dengan Elektronik
- Matematik

Tujuan utama program-program pengajian SST adalah untuk melahirkan tenaga manusia yang mampu menggabungkan antara teori dan amali, disamping mampu berfikir dan bertindak secara global namun masih mempunyai kualiti yang relevan untuk pembangunan negara. Dengan itu program-program pengajian yang ditawarkan adalah untuk memenuhi objektif sekolah seperti berikut:

- Untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sains dan teknologi melalui pendidikan, penyelidikan dan penerbitan;
- Untuk melahirkan graduan yang mempunyai keupayaan dan berkemahiran professional dalam bidang sains dan teknologi; dan
- Untuk memberi perkhidmatan kepada sekolah atau institut penyelidikan di UMS dalam usaha saling melengkapkan pengetahuan dalam sains dan teknologi serta menghasilkan siswazah yang seimbang dan berkemahiran.

SST kini mempunyai seramai 2048 pelajar berdaftar disokong oleh 110 tenaga pengajar. Sekolah mengetuai dua pusat kecemerlangan Universiti iaitu Unit Penyelidikan Air dan Unit Kajian Bencana Alam.

Pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah ke-13 pada tahun ini, SST telah menghasilkan seramai 534 graduan prasiswazah dan 9 graduan pascasiswazah seperti berikut :

Bil.	Program Pengajian Pra Siswazah	Jumlah Graduan
1.	Bioteknologi	70
2.	Biologi Pemuliharaan	53
3.	Kimia Industri	87
4.	Matematik Dengan Ekonomi	63
5.	Matematik Dengan Komputer Grafik	40
6.	Sains Sekitaran	70
7.	Geologi	57
8.	Fizik Dengan Elektronik	46
9.	Akuakultur	18
10.	Sains Marin	30
JUMLAH		534

	Program Pengajian Pascasiswazah	Jumlah Graduan Doktor Falsafah	Jumlah Graduan Sarjana
1.	Sains Sekitaran	1	2
2.	Kimia Industri	1	-
3.	Geologi	1	1
4.	Fizik	-	2
5.	Fizik dengan Elektronik	-	1
JUMLAH		9	9

